

KDN Akan Memendekkan Tempoh Pembukaan Sempadan Malaysia-Thailand – Zahid Hamidi

By admin

August 09, 2016

Deputy Prime Minister of Malaysia | Home Minister

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mengadakan perbincangan mengenai keputusan Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk mengumumkan keputusan dalam masa terdekat bagi memendekkan tempoh pembukaan pintu sempadan Malaysia-Thailand di Bukit Kayu Hitam.

Zahid Hamidi yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, pihaknya sedang meneliti semua aspek dan implikasi daripada saranan itu.

Pakar kriminologi, Datuk Akhbar Satar menyarankan agar tempoh pembukaan sempadan Malaysia-Thailand di Bukit Kayu Hitam perlu dipendekkan bagi mengekang pelbagai gejala kurang sihat membabitkan rakyat negara ini.

Justeru ada beberapa implikasi dari segi ekonomi, jenayah dan aktiviti tengah malam, "kita akan mengadakan perbincangan dan akan memaklumkan keputusan dalam waktu terdekat", katanya selepas merasmikan Taklimat Khas Keselamatan Dalam Negara Kepada Ketua-Ketua Perwakilan Asing.

Zahid Hamidi berkata, menjadi persoalan apabila kebanjiran rakyat negara ini melintasi sempadan Malaysia-Thailand selepas jam 6 petang, ini kerana sebahagian besar premis niaga yang menjadi tumpuan orang ramai membeli belah di pekan Danok, Thailand sudah ditutup.

Blog at WordPress.com. Follow ZAHID HAMIDI - Deputy Prime Minister of Malaysia

Source: <https://zahidhamidi.com/2016/08/09/kdn-akan-memendekkan-tempoh-pembukaan-sempadan-malaysia-thailand-zahid-hamidi/>